

15/12/1999

Perkhidmatan golongan profesional mesti bebas politik

Nazar Abdul

SEJAK kebelakangan ini pusat perubatan pula menjadi medan politik beberapa penyokong parti pembangkang untuk membuat pelbagai kecaman terhadap kerajaan dan pemimpin Barisan Nasional (BN). Doktor dan pakar perubatan kini sudah cenderung membabitkan diri dengan politik pembangkang di samping menjalankan kegiatan profesional masing-masing.

Walaupun pusat perubatan terbabit berusaha membersihkan namanya dengan menjelaskan bahawa pandangan atau kenyataan seseorang doktor atau pakar perubatan adalah bersifat peribadi, ia tetap menjejaskan nama baik dan perkhidmatan pusat perubatan berkenaan.

Sebelum ini golongan peguam sering terbabit dengan politik pembangkang dan selalu menggunakan mahkamah dan Majlis Peguam sebagai gelanggang untuk menyuarakan pandangan dan pendirian politik mereka. Mahkamah juga dikatakan digunakan untuk mencapai matlamat politik masing-masing.

Selain itu kalangan pendakwah dan imam juga semakin aktif dalam politik parti pembangkang. Ini dapat dilihat ketika kempen pilihan raya umum baru-baru ini. Mereka menggunakan masjid dan surau sebagai gelanggang untuk menyampaikan mesej politik mereka. Ada juga pendakwah dan imam yang menggunakan media tempatan untuk mempromosi imej masing-masing.

Pilihan raya umum ke-10 pada 29 November lalu memperlihatkan betapa ramainya tokoh daripada ketiga-tiga bidang iaitu perubatan, perundangan dan agama terbabit secara aktif dalam politik. Ramai antara mereka kini berjaya menjadi wakil rakyat.

Jika golongan ini meletak jawatan dan memberi tumpuan sepenuhnya kepada politik, tentunya lebih adil dan wajar. Tetapi jika mereka terus menjalankan profesion masing-masing dan pada masa yang sama menjalankan kegiatan politik parti pembangkang ia agak mendukacitakan. Keadaan seperti ini amat membimbangkan dan merugikan rakyat terutama mereka yang sering mendapatkan nasihat dan pertolongan daripada golongan ini.

Rakyat menjadi bingung dan serba salah ketika ingin mendapatkan khidmat golongan seperti ini. Bagi mereka yang terpengaruh dengan dakwah politik mereka tentu lebih membahayakan kerana reaksi mereka terhadap isu semasa boleh mencetuskan keresahan dan rasa tidak puas hati di kalangan masyarakat.

Tidak dapat dinafikan tempat-tempat seperti pusat perubatan, mahkamah dan masjid perlu bebas daripada unsur politik pembangkang kerana matlamat utamanya ialah memberi perkhidmatan yang terbaik tanpa mengira fahaman politik mereka yang datang untuk mendapatkan perkhidmatan. Doktor, pakar perubatan dan peguam seharusnya memberi tumpuan sepenuhnya kepada profesion masing-masing.

Kemasukan unsur politik parti pembangkang terutama yang kotor dan merosakkan hanya akan mencemarkan perkhidmatan profesional yang ditawarkan oleh golongan ini dan ia pastinya tidak baik serta merugikan masyarakat dan negara. Bayangkan apa akan terjadi jika pusat perubatan dan mahkamah di negara ini terus menjadi gelanggang politik, sudah tentu ia sesuatu yang tidak sihat.

Begitu juga masjid dan surau jika sudah menjadi medan politik parti pembangkang pastinya tidak dapat meninggikan syiar Islam atau meningkatkan kesejahteraan umat sebaliknya mewujudkan perpecahan di kalangan umat Islam disebabkan tindakan menabur fitnah dan tohmahan terhadap kerajaan dan pemimpin BN yang dilakukan pendakwah dan imam terbabit. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam satu kenyataan baru-baru ini turut

menyatakan kebimbangan beliau mengenai fenomena ini.

Dalam konteks ini, pihak yang bertanggungjawab perlu mengambil langkah tegas mencegah kegiatan politik di tempat terbabit dan memastikan hanya kegiatan yang sepatutnya dibenarkan. Tindakan ini penting sebagai usaha mempertingkatkan perkhidmatan yang ditawarkan oleh golongan terbabit dan memastikan nama baik profesion berkenaan iaitu peguam, doktor atau pakar perubatan dan imam sentiasa dijaga dan disanjung masyarakat.

(END)